

## ORIGINAL ARTICLE

# KEBERKESANAN PENGGUNAAN LIBRARY QR BOOK AT KKKMS DARI SEGI PENGETAHUAN DAN MINAT MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU, SABAH

## (The Effectiveness of Using Library QR Book at KKKMS in terms of Knowledge and Interest in Reading among Students of Kota Marudu Community College, Sabah)

Zulkurnain Bin Hassan <sup>1,\*</sup>, Shazrin Neerwan Bin Christopher <sup>1</sup> and Norazlina Binti Musa <sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah, Malaysia

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah, Jaya Industrial Centre, 89108 Kota Marudu, Sabah, Malaysia

**ABSTRACT** – The usage of QR codes is still limited and uncommon in library referencing of today. This is quite disadvantageous because the cost of producing QR-Codes can be said to be free and the effect is great for users, especially for those who use mobile devices in obtaining readings and references, especially in helping teaching and learning. Therefore, the Library QR Book system at KKKMS was developed at Kolej Kolej Muniti Marudu, Sabah (KKKMS) where this system contains all information related to the library at KKKMS, especially for book learning materials from academic books, story books, magazines to directions in the library . In order to evaluate the effectiveness of this system, a study was conducted to see the effect of using Library QR Book at KKKMS in terms of increasing knowledge and interest in reading among KKKMS students. By using the Technology Acceptance Model (TAM) a questionnaire was distributed to all KKKMS students (96 respondents) to assess the acceptance of Library QR Book at KKKMS among students. In addition to the questionnaire, an open question is also attached regarding their opinion on the feasibility of Library QR Book at KKKMS. Data were analyzed descriptively and inferentially using Statistical Packages for Social Sciences version 20.0 (SPSS) software and the results of the study were reported in the form of mean, standard deviation, percentage and Pearson's correlation test. The results of the study found that the effect of use showed a mean of 4.27 (high) and the mean for the question of increasing interest in reading showed a high value of 4.31. In terms of relationships, it was found that there is a strong relationship (correlation 0.886) between facilitating learning and increasing interest in reading. From the open questions, it was found that most gave positive feedback about the effectiveness of LIBRARY QR BOOK AT KKKMS to them.

**ABSTRAK** – Penggunaan Kod QR masih kurang popular dan jarang digunakan dalam dunia rujukan di perpustakaan pada masa kini. Ini agak merugikan kerana kos menghasilkan QR-Codes boleh dikatakan percuma dan kesannya besar kepada pengguna terutamanya kepada mereka yang menggunakan peranti mudah-alih (mobile devices) di dalam mendapatkan pembacaan serta rujukan terutama dalam membantu pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, sistem Library QR Book at KKKMS dibangunkan di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah (KKKMS) dimana sistem ini mengandungi semua maklumat berkaitan perpustakaan di KKKMS terutama bagi bahan pembelajaran buku daripada buku akademik, buku cerita, majalah hingga ke arah- arahan di perpustakaan. Bagi menilai keberkesanan sistem ini satu kajian telah dilakukan bagi melihat kesan penggunaan Library QR Book at KKKMS dari segi menambahkan pengetahuan dan minat membaca dalam kalangan pelajar KKKMS. Dengan menggunakan model Technology Acceptance Model (TAM) satu soal selidik telah diedarkan kepada semua pelajar KKKMS (96 responden) bagi menilai penerimaan Library QR Book at KKKMS dalam kalangan pelajar. Disamping soal selidik juga di lampirkan satu soalan terbuka mengenai pendapat mereka tentang kebolehlaksanaan Library QR Book at KKKMS. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences versi 20.0 (SPSS) dan hasil dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk min, sisihan piawaian, peratusan dan ujian korelasi Pearson. Hasil kajian mendapati kesan penggunaan menunjukkan min 4.27 (tinggi) dan min bagi soalan menambahkan minat membaca menunjukkan nilai yang tinggi iaitu 4.31. Dari segi hubungan didapati terdapat hubungan yang kuat (korelasi 0.886) antara memudahkan pembelajaran dan menambahkan minat membaca. Dari soalan terbuka didapati kebanyakkan memberikan maklumbalas yang positif mengenai keberkesanan LIBRARY QR BOOK AT KKKMS kepada mereka.

**ARTICLE HISTORY**

Received: 6 March 2022

Revised: 31 March 2022

Accepted: 1 April 2022

**KEYWORDS**

QR code

Library QR book

KKKMS

Facilitate learning

Increased interest

## PENGENALAN

Perkembangan teknologi QR Code di perpustakaan yang pesat terutama di negara Eropah membolehkan inisiatif baru diadaptasi dengan pantas di sana selain daripada minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan. Sebagai contoh, pada tahun 2009, Harvard College Library telah memulakan projek rintis berkenaan penggunaan kod QR di perpustakaan mereka, iaitu Eda Kuhn Loeb Music Library. Laman sesawang ‘Library Success: A Best Practice Wiki’ yang menghimpunkan pelbagai kejayaan penggunaan kod QR di perpustakaan dan mereka berkongsi pendapat dan idea bagaimana untuk merealisasikan penggunaan kod QR (Ashford, 2010). Henry, Verdeman dan Syma (2012) juga menyatakan bahawa di Texas Tech University Libraries mereka menggunakan kod QR untuk petunjuk arah baru di sekitar perpustakaan mereka. Kod QR juga digunakan sebagai mekanisma untuk menempah bilik perbincangan dan bilik komputer melalui peranti mudah alih. Mekanisma ini direalisasikan oleh sebuah universiti iaitu University of Sussex dengan menempatkan kod QR di pintu bilik perbincangan perpustakaan dan boleh diakses melalui web perpustakaan berkenaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga perpustakaan lain yang menggunakan kemudahan kod QR ini untuk menghubungkan pengguna dengan lawatan audio (*audio tour*) perpustakaan supaya pengguna baharu lebih mengenali perpustakaan tersebut. Selain penggunaan audio, terdapat juga perpustakaan menggunakan kod QR untuk menghubungkan panduan video (*video guide*) dengan memudahkan akses kepada perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan. Whitchurch (2011) di dalam artikel yang bertajuk “*QR Codes and the library: the library audio tour*” menyatakan contoh dua buah perpustakaan yang menggunakan kod QR sebagai platform mengakses lawatan audio iaitu Brigham Young University (BYU) dan Harold B. Lee Library (HBLL). Pelajar tahun pertama dikehendaki mengikuti lawatan audio berkenaan sebelum menamatkan sesi orientasi.

Sehubungan itu, Perpustakaan KKKMS mengambil langkah untuk memanfaatkan teknologi yang semakin pesat ini dengan membangunkan inisiatif penggunaan kod QR untuk pengguna perpustakaan. Selain kos yang amat rendah, penggunaan peranti mudah alih yang semakin meluas serta aplikasi pembaca kod QR yang boleh didapati secara percuma membolehkan kod QR ini digunakan dengan mudah dan meluas di perpustakaan. Ini secara langsung dapat menarik lebih ramai pengguna, terutamanya pengguna muda yang lebih terdedah kepada penggunaan peranti mudah alih untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan.

### Latar Belakang Kajian

Seiring dengan pembangunan teknologi yang pesat pada masa kini, pelbagai cara dan medium yang boleh digunakan bagi memberikan maklumat tentang pengetahuan terhadap sesuatu perkara. Pelbagai medium telah digunakan bagi memudahkan sesuatu maklumat dicapai antaranya ialah dengan menggunakan portal web dan yang terbaru dengan menggunakan sejenis kod dua dimensi iaitu kod QR sebagai medium perantaraan untuk pencapaian sesuatu maklumat. Peningkatan penggunaan telefon pintar, komputer tablet dan perkembangan kemajuan teknologi komunikasi turut mendorong minat yang semakin berkembang dalam penggunaan tag mudah alih yang melibatkan sejenis kod dua dimensi yang diberi nama kod QR dalam pelbagai bidang termasuklah dalam bidang pendidikan. Aplikasi teknologi kod dua dimensi sedang berkembang akhir-akhir ini terutamanya dengan menggunakan kamera di telefon bimbit (Latif et al., 2012; Law et al., 2010). Kod QR (singkatan bagi *Quick Response Code*) adalah perisian yang terdapat dalam telefon bimbit. Kelebihan yang ada pada kod QR kini dimanfaatkan dalam bidang pendidikan untuk mengekod pengisian, artikel, gambar, alamat laman sesawang, profil *Facebook*, video *YouTube*, alamat emel, teks SMS, nombor telefon dan apa sahaja walaupun sekadar huruf dan nombor.

Namun demikian penggunaan aplikasi kod QR dalam pendidikan tinggi adalah rendah, dan ianya juga kurang didekah dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa penggunaan tag mudah alih dapat memberikan kesan yang positif terhadap minat pelajar dalam melakukan sesuatu perkara namun ianya bergantung kepada manfaat dan kepuasan terhadap alat itu sendiri. Walau bagaimanapun penyelidik menyedari bahawa terdapat minat yang semakin meningkat dalam penggunaan kod QR untuk tujuan pendidikan dan terdapat banyak lagi kelebihan kod QR. Penggunaan tag mudah alih dapat menggalakkan lagi aktiviti dan meningkatkan motivasi pelajar terhadap sesuatu bidang (Kopf et al., 2005). Pembelajaran menggunakan kod QR ini boleh diletakkan sebagai satu konteks pembelajaran mudah alih (Law & So, 2010)-. Dalam kajian ini, *Library QR Book at KKKMS* dijadikan sebagai subjek kajian dan tapak kajian adalah Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah memandangkan kebanyakan pelajar adalah golongan muda dan mempunyai alat dan kemudahan yang boleh membantu pelaksanaan kajian ini.

### Pernyataan Masalah

Secara teknikalnya, hasil daripada audit Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mendapati bahawa perpustakaan KKKMS tidak mempunyai bahan rujukan yang mencukupi terutama dalam bidang akademik iaitu bahan rujukan bagi bidang penyejukan dan penyamanan udara dan bidang penyelenggaraan bangunan. Buku yang ada adalah tidak mencukupi, tidak terkini, dan tidak bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar. Walaupun pelbagai usaha dilakukan seperti memohon peruntukan tambahan buku dari kementerian namun hanya sedikit sahaja peruntukan yang diluluskan. Ia menyukarkan pihak perpustakaan untuk menambahkan koleksi. Ia lebih buruk kerana harga bahan rujukan akademik adalah tinggi dan bilangan pelajar semakin bertambah dari tahun ke tahun. Terdapat juga usaha untuk menjalankan kolaborasi dengan perpustakaan yang berdekatan namun kebanyakannya tidak mempunyai bahan rujukan yang menepati standard atau keperluan silibus. Selari dengan transformasi teknologi maklumat yang berlaku dengan begitu pesat pada masa kini terutamanya merujuk kepada budaya pembelajaran secara atas talian, maka satu inovasi yang paling mudah,

ringkas, efektif dan banyak memberi manfaat kepada pelajar dan pensyarah perlu dibangunkan iaitu *Library QR Book at KKKMS*.

Pengurusan dan pentadbiran perpustakaan secara manual atau cara tradisional didapati agak membosankan dan kemungkinan untuk bahan rujukan rosak, kotor, dan hilang adalah tinggi. Bahan rujukan secara manual akan menyebabkan pelajar terpaksa datang sendiri ke perpustakaan dan meminjam bahan rujukan manual yang tebal, pelbagai bentuk dan mudah rosak menyebabkan pelajar malas untuk meminjam buku secara manual. Maka dengan itu, satu sistem lebih efisien diwujudkan dan dibangunkan untuk menambahbaik sistem di perpustakaan terutama dari segi peminjaman dan pembacaan bahan rujukan. Idea ini timbul kerana pada awalnya, sistem perpustakaan secara tradisional memerlukan masa untuk pelajar membuat peminjaman, mencari bahan rujukan, bahan rujukan yang berat, tebal dan memerlukan ruang yang besar untuk menyimpan di mana ianya dilihat sebagai tidak mesra pengguna.

Oleh itu, kini sistem tersebut telah ditambah baik daripada secara manual kepada atas talian (*online*) dengan menggunakan platform Perisian Sumber Terbuka iaitu kod QR secara menyeluruh. Tanpa bahasa pengaturcaraan yang rumit menjadikan ciri sistem ini lebih menarik, cekap dan mesra pengguna serta dapat membantu pengguna menggunakan dengan mudah dan senang difahami. Manakala dari segi masa yang digunakan oleh pengguna juga dapat dijimatkan. Sistem kod QR ini dapat membantu pengguna mengakses bahan rujukan dengan lebih menarik, cekap dan mesra pengguna. Di samping itu, pihak perpustakaan mudah memantau pengguna.

Sistem *Library QR Book at KKKMS* ini dibangunkan adalah bertujuan:

- i. Menyediakan sistem kod QR bagi semua buku rujukan yang lebih cekap dan mesra pengguna dalam memudahkan proses pemilihan, peminjaman dan pemulangan bahan bacaan dan bahan rujukan di perpustakaan Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah tanpa perlu hanya bergantung kepada kehadiran ke perpustakaan.
- ii. Memastikan bahan bacaan perpustakaan dapat disimpan, dipulihara, dan diselenggara dengan lebih efisien, efektif dan sistematik secara atas talian.
- iii. Menambahkan koleksi bahan bacaan di perpustakaan.

Selari dengan transformasi pendidikan yang berlaku dengan begitu pesat pada masa kini terutamanya merujuk kepada budaya pembelajaran secara atas talian, maka kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* dari segi kemudahan membuat rujukan dan penambahan minat membaca dalam kalangan pelajar.



**Rajah 1.** Cara penggunaan Library QR Book at KKKMS

Merujuk rajah 1, cara penggunaan sistem *Library QR Book at KKKMS* adalah seperti berikut:

1. Pengguna perlu menggunakan fungsi kamera dan perisian dalam telefon pintar atau tablet untuk menafsirkan kod QR yang terdapat pada sumber bercetak yang diberikan.
2. Peranti mudah alih akan menafsirkan kod QR tersebut bagi mencapai alamat url web yang mempunyai kandungan bahan rujukan (kod QR yang telah dihasilkan akan diletakkan pada kad, album dan blog).
3. Setiap bar kod yang telah diakses oleh pengguna, terdapat maklumat yang lengkap tentang bahan buku, majalah, bahan umum dan bahan rujukan.

### Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* dari segi kemudahan dalam membuat rujukan dan membaca buku.
2. Mengenalpasti kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* terhadap minat membaca dalam kalangan pelajar.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara *Library QR Book at KKKMS* memudahkan pembacaan dan rujukan dengan meningkatkan minat membaca pelajar.
4. Mengetahui pandangan pelajar mengenai kewujudan *Library QR Book at KKKMS*.

## Persoalan Kajian

### Persoalan Kajian 1

Bagaimanakah kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* dari segi kemudahan dalam membuat rujukan dan membaca buku?

### Persoalan Kajian 2

Bagaimanakah kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* terhadap minat membaca dalam kalangan pelajar?

### Persoalan Kajian 3

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara *Library QR Book at KKKMS* memudahkan pembacaan dengan meningkatkan minat membaca pelajar?

### Persoalan Kajian 4

Bagaimanakah pendangan pelajar mengenai kewujudan *Library QR Book at KKKMS*?

## Skop Kajian


Skop kajian adalah tertumpu kepada semua pelajar Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah

## KAJIAN LITERATUR

Menurut Schilit (1999), penggunaan e-buku harus dilihat dari dua aspek, sama ada pembaca pasif itu atau aktif. Pembaca pasif melibatkan pembacaan yang lebih cenderung kepada pembacaan santai seperti buku fiksyen, novel, komik, majalah, emel dan kumpulan berita (*newsgroup*). Manakala pembacaan aktif melibatkan pemikiran kritikal seperti pembelajaran dan membuat keputusan. Ia juga termasuk penglibatan pembaca semasa membaca seperti mencatat nota dan menanda (*highlight*) fakta penting. Biasanya ia melibatkan pembacaan yang melebihi dua mukasurat dan pembaca perlu menyelak banyak halaman untuk mendapatkan maklumat. Fakta ini disokong oleh Zawiyah Baba (2008), yang menyatakan bahawa pengguna membaca untuk tujuan berbeza iaitu untuk pengajian akademik, mengisi masa lapang, hiburan atau bersantai, mencari maklumat atau menambah ilmu. Pembaca menggunakan kaedah berbeza untuk membaca jenis teks yang berbeza dengan tujuan berbeza. Contohnya, sesetengah orang lebih gemar menggunakan skrin komputer untuk mendapatkan maklumat, manakala ada yang lebih gemar membaca buku bercetak untuk tujuan bersantai seperti membaca novel.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Noorhidawati (2008) pula, faktor paling popular yang menyebabkan pengguna menggunakan e-buku adalah untuk mencari bahan yang relevan. Ini

bermakna, e-buku tidak dibaca secara keseluruhan, tetapi pengguna lebih cenderung menggunakanannya untuk tujuan rujukan dan secara terpilih. Sekiranya dilihat hasil daripada kajian yang dijalankan oleh penyelidik tersebut, dapat dikenalpasti bahawa penggunaan e-buku lebih popular dalam kalangan pembaca aktif, iaitu untuk mencari bahan yang relevan. Buku bercetak pula lebih sesuai digunakan untuk tujuan bersantai.



**Rajah 2.** Technology Acceptance Model (TAM) untuk penggunaan *Library QR Book at KKKMS*

Pengembangan konsep TAM digunakan untuk meramal sikap dan penerimaan seseorang terhadap teknologi dan dapat memberikan maklumat asas yang diperlukan mengenai faktor-faktor yang menjadi pendorong sikap individu tersebut (Rose, 2006). TAM merumuskan bahawa niat seseorang untuk menggunakan sistem atau teknologi ditentukan oleh dua faktor, iaitu persepsi kemanfaatan (*perceived usefulness*), adalah tahap kepercayaan individu bahawa penggunaan teknologi akan meningkatkan prestasi, dan persepsi kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*), iaitu tahap kepercayaan individu bahawa penggunaan teknologi membuatnya lebih mudah menyelesaikan tugas (Venkatesh & Davis, 2000).

Oleh itu, kerangka teori TAM didapati sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, model TAM berkaitan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* mengandungi empat komponen iaitu kesan penggunaan terhadap pengetahuan, memudahkan, menambahkan minat penggunaan dan kebolehlaksanaan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* di KKKMS. Kesemua komponen yang terdapat dalam model TAM ini didapati bertepatan dengan kajian kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* terhadap pengetahuan, di mana kajian ini menggunakan asas teknologi maklumat sebagai asas pembelajaran

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian berbentuk tinjauan yang melibatkan seramai 96 orang responden di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah yang menggunakan perpustakaan KKKMS.

**Jadual 1.** Markah item-item skala Likert

| Aras persetujuan    | Skala |
|---------------------|-------|
| Sangat tidak setuju | 1     |
| Tidak setuju        | 2     |
| Tidak pasti         | 3     |
| Setuju              | 4     |
| Sangat Setuju       | 5     |

(Sumber: Mohd Majid, 2004)

Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science*, SPSS versi 20.0. Analisis deskriptif merangkumi kaedah untuk menyusun, mempersembah dan menerangkan data dengan menggunakan jadual dan nilai ukuran seperti frekuensi, peratusan dan min.

**Jadual 2.** Pemarkatan skor dan tahap faktor

| Tahap     | Skor             |
|-----------|------------------|
| Rendah    | 1.00 hingga 2.33 |
| Sederhana | 2.34 hingga 3.67 |
| Tinggi    | 3.68 hingga 5.00 |

Sumber: Zuraidah Abdullah (2010)

## DATA DAN KEPUTUSAN

### Dapatan Kajian

#### 1. Analisa Demografi

**Jadual 3.**

| Ciri-Ciri Demografi | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------|-----------|-------------|
| Umur                |           |             |
| 18 – 20 Tahun       | 90        | 93.75       |
| 21 – 25 tahun       | 6         | 6.25        |
| Semester Pengajian  |           |             |
| Semester 1          | 39        | 40.62       |
| Semester 2          | 28        | 29.17       |
| Semester 3          | 29        | 30.21       |

Sumber: Zuraidah Abdullah (2010)

#### 2. Persoalan Kajian

### Persoalan Kajian 1

Bagaimanakah kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* dari segi kemudahan dalam membuat rujukan dan membaca buku?

**Jadual 4.** Kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* dari segi memudahkan pembacaan dan rujukan

| Item | Pernyataan  | Min  | Sisihan Piawai | Tafsiran |
|------|---|------|----------------|----------|
| 1    | Saya mendapat sistem Library QR Book at KKKMS ini tidak sukar untuk digunakan   | 4.35 | 0.490          | Tinggi   |
| 2    | Pembacaan buku menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS ini mudah untuk saya   | 4.15 | 0.366          | Tinggi   |
| 3    | Berinteraksi dengan sistem Library QR Book at KKKMS sering tidak mengecewakan   | 4.05 | 0.510          | Tinggi   |
| 4    | Saya merasa mudah menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS bagi mendapatkan bahan rujukan dan bacaan di perpustakaan | 4.30 | 0.470          | Tinggi   |
| 5    | Sistem Library QR Book at KKKMS ini tidak kaku dan fleksibel untuk digunakan  | 4.15 | 0.587          | Tinggi   |

**Jadual 5.** (samb.)

| Item | Pernyataan   | Min  | Sisihan Piawai | Tafsiran |
|------|--|------|----------------|----------|
| 6    | Mudah bagi saya untuk mengingat bagaimana untuk menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS.                       | 4.35 | 0.490          | Tinggi   |
| 7    | Berinteraksi dengan sistem Library QR Book at KKKMS adalah mudah   | 4.35 | 0.671          | Tinggi   |
| 8    | Saya mendapat tidak banyak usaha diperlukan untuk menjadi mahir dengan menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS | 4.35 | 0.587          | Tinggi   |
|      | Keseluruhan  | 4.27 | 0.375          | Tinggi   |

**Persoalan Kajian 2**

Bagaimanakah kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* terhadap minat membaca dalam kalangan pelajar?

**Jadual 6.** Kesan penggunaan *Library QR Book at KKKMS* terhadap minat membaca pelajar

| Item | Pernyataan  | Min  | Sisihan Piawai | Tafsiran |
|------|---|------|----------------|----------|
| 10   | Semasa aktiviti pembelajaran saya telah memanfaatkan bahan – bahan yang disediakan dengan menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS untuk mendapatkan maklumat pembelajaran(buku rujukan, latihan dan nota) | 4.40 | 0.600          | Tinggi   |
| 11   | Cara pembacaan buku menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS adalah menarik.   | 4.19 | 0.814          | Tinggi   |
| 12   | Saya berminat dan seronok dengan cara menggunakan Library QR Book at KKKMS bagi mendapatkan bahan rujukan /pembacaan  | 4.30 | 0.470          | Tinggi   |
| 13   | Saya berharap agar sistem mendapatkan bahan rujukan seperti Library QR Book at KKKMS ini dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran   | 4.25 | 0.444          | Tinggi   |
| 14   | Saya ingin menggunakan sistem pembacaan buku seperti sistem Library QR Book at KKKMS ini di masa hadapan  | 4.30 | 0.5714         | Tinggi   |
| 15   | Dengan menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS ini telah menambahkan minat membaca saya   | 4.40 | 0.503          | Tinggi   |
| 16   | Saya sering mengesyorkan Library QR Book at KKKMS kepada rakan-rakan  | 4.19 | 0.814          | Tinggi   |
|      | Keseluruhan   | 4.31 | 0.376          | Tinggi   |

**Persoalan Kajian 3**

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara *Library QR Book at KKKMS* memudahkan pembacaan dan meningkatkan minat membaca pelajar? Bagi tujuan melihat hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang tertentu dalam kajian ini, satu hipotesis dibentuk. Untuk mengetahui sama ada hipotesis tersebut diterima atau ditolak, kaedah analisis korelasi Pearson digunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Paras signifikan yang digunakan ialah  $\alpha = 0.05$ .

**Hipotesis nol 1:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *Library QR Book at KKKMS* memudahkan pembacaan dan meningkatkan minat membaca pelajar

**Jadual 7.** Analisis hubungan korelasi antara memudahkan pembacaan dengan peningkatan

| Memudahkan Pembacaan | Signifikan | Pearson,r             |
|----------------------|------------|-----------------------|
| Minat Membaca        | 0.01       | 0.886<br>Tinggi, Kuat |

\*Signifikan pada aras keertian 0.05

Jadual 6 menunjukkan keputusan analisa hubungan korelasi antara memudahkan pembacaan dengan peningkatan minat membaca pelajar. Daripada analisis korelasi Pearson yang dibuat, nilai ‘p’ yang diperolehi ialah 0.01 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.886. Oleh itu, ‘p’ lebih kecil daripada 0.05. Ini menunjukkan hipotesis nol ditolak iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara antara memudahkan pembacaan dengan peningkatan minat membaca pelajar. Ini bermakna penggunaan *Library QR Book at KKKMS* telah meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar-pelajar KKKMS kerana sistem ini mudah digunakan. Dengan nilai korelasi Pearson yang tinggi iaitu 0.886, ia menunjukkan hubungan yang kuat antara tahap memudahkan pembelajaran dan peningkatan minat membaca pelajar. Disebabkan *Library QR Book at KKKMS* memudahkan pembacaan maka ia menambahkan minat membaca pelajar.

**Persoalan Kajian 4**

Bagaimanakah pendangan pelajar mengenai kewujudan *Library QR Book at KKKMS*?

**Jadual 8.** Pandangan Pelajar

| Responden | Pandangan   |
|-----------|---|
| 1         | Sistem Library QR Book at KKKMS adalah menarik dan saya seronok berada di perpustakaan  |
| 2         | Perpustakaan semakin menarik dengan penggunaan QR Code. Ia memudahkan saya untuk memilih dan membaca buku   |
| 3         | Sistem yang diperkenalkan membolehkan saya melihat keseluruhan bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan. Ini memudahkan saya untuk memilih bahan bacaan yang saya perlukan  |
| 4         | Sistem ini membolehkan saya mencari dan menggunakan bahan rujukan dengan pantas   |
| 5         | Saya baru sedar bahawa perpustakaan KKKMS mempunyai banyak bahan rujukan untuk pembelajaran saya. Beberapa bahan rujukan yang dibuat QR Code memudahkan saya untuk membaca  |
| 6         | Bahan bacaan yang pelbagai membuatkan saya sering berada di perpustakaan  |
| 7         | Sistem Library QR Book at KKKMS memudahkan saya untuk membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah   |
| 8         | Saya seronok berada di perpustakaan dan banyak buku cerita/novel yang boleh saya baca. Ia adalah hobi saya selama ini   |
| 9         | Library QR Book at KKKMS menambahkan minat membaca saya   |
| 10        | Sistem Library QR Book at KKKMS memudahkan saya memilih buku yang diperlukan. Dengan pelbagai buku yang ditawarkan membuatkan sesi berada di perpustakaan adalah suatu sesi yang menyeronokkan.   |
| 11        | Setiap kali ada masa lapang saya akan mengunjungi perpustakaan kerana banyak bahan bacaan yang ditawarkan. Saya teruja untuk membaca semua bahan bacaan yang ditawarkan terutama berkenaan dengan teknologi komputer  |
| 12        | Perpustakaan KKKMs telah diberi wajah baru dan lebih mesra pengguna. Walaupun ia kecil tetapi bahan bacaan yang terdapat di sini setanding dengan perpustakaan besar. Terdapat juga pautan majalah dan akbar yang membolehkan saya membaca dengan pantas dan ini menambahkan pengetahuan baru saya terutama mengenai isu semasa |
| 13        | Pilihan saya tentulah novel. Sejak menggunakan sistem Library QR Book at KKKMS saya boleh menghabiskan pembacaan saya secara santai. Tambahan pula kita tidak perlu untuk sentiasa berada dalam perpustakaan kerana kita boleh pinjam buku melalui QR Code sahaja   |
| 14        | Saya sudah lama tidak mengunjungi perpustakaan disebabkan kekangan masa. Tetapi sistem Library QR Book at KKKMS membolehkan saya meminjam dan membaca buku dimana-mana sahaja   |
| 15        | Saya sering mengunjungi perpustakaan bagi mendapatkan bahan rujukan untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah  |

**PERBINCANGAN****Kesan memudahkan pembacaan dan membuat rujukan**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan aspek memudahkan pembacaan dan membuat rujukan dapat diinterpretasikan pada tahap yang tinggi di mana jumlah skor min keseluruhan mencatat nilai 4.27 iaitu melebihi aras 3.67 (Tahap Tinggi). Analisis ke atas kesemua sebelas item mempunyai nilai skor min antara 4.05 (tinggi) hingga 4.35(tinggi). Ini menunjukkan *Library QR Book at KKKMS* ini telah memudahkan pembacaan buku dan memudahkan pelajar untuk membuat rujukan. Malah kesemua pelajar suka menggunakan *Library QR Book at KKKMS* kerana ia tidak sukar digunakan, berfungsi dengan baik, mudah mendapatkan bahan rujukan dan sistem ini fleksibel. Ia mudah digunakan dan tidak rumit serta tidak banyak usaha untuk menjadi mahir menggunakan sistem ini.

**Kesan terhadap minat membaca pelajar**

Bagi tujuh item minat yang dinilai, dapatan menunjukkan tafsiran skor min mencatat nilai

4.31 iaitu dapat diinterpretasi pada tahap yang tinggi. Analisis ke atas ke semua item yang dikaji mempunyai nilai skor min antara 4.20 (tinggi) hingga 4.40 (tinggi). Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa *Library QR Book at KKKMS* telah menambahkan minat membaca dalam kalangan pelajar. Ini berdasarkan persetujuan mereka terhadap pernyataan bahawa cara pembacaan menggunakan kod QR menarik, seronok dan ia dapat digunakan dalam membantu pembelajaran. Mereka juga merasakan bahawa sistem ini baik dan berharap ia digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran mereka di kelas. Kebanyakan mereka sering mengesyorkan *Library QR Book at KKKMS* kepada rakan-rakan.

Pertambahan minat membaca dalam kalangan pelajar juga dapat dilihat berdasarkan statistik perbandingan jumlah pengunjung ke perpustakaan diantara tahun 2018 (belum diperkenalkan *Library QR Book at KKKMS*) dan tahun 2019 (diperkenalkan *Library QR Book at KKKMS* pada bulan Mac 2019). Didapati jumlah pengunjung perpustakaan telah bertambah secara mendak yang menunjukkan ramai pelajar datang ke perpustakaan untuk membaca buku dan membuat rujukan.

| BULAN    | 2018  | 2019 |
|----------|-------|------|
| Januari  | 20.00 | 40   |
| Februari | 33.00 | 60   |
| Mac      | 39.00 | 96   |
| April    | 17.00 | 132  |
| Mei      | 50.00 | 156  |
| Jun      | 47.00 | 450  |
| Julai    | 59.00 | 660  |
| Ogos     | 60.00 | 720  |



**Rajah 3.** Perbandingan Statistik Pengunjung ke perpustakaan KKKMS antara tahun 2018 dan 2019

## KESIMPULAN

Objektif utama kajian adalah bagi mengenal pasti sikap pengguna perpustakaan KKKMS terhadap penggunaan *Library QR Book at KKKMS* dari segi kemudahan membuat rujukan, membaca buku dan penambahan minat membaca dalam kalangan pelajar. Dapatkan kajian dari pemerhatian dan temubual ringkas menunjukkan bahawa responden adalah terdiri daripada pengguna utama perpustakaan KKKMS dan kebanyakannya tahu tentang teknologi kod QR tetapi tidak pernah menggunakan dalam konteks perpustakaan. Majoriti daripada mereka sebelum ini hanya mengunjungi perpustakaan bagi menyiapkan tugas akademik yang diberikan oleh pensyarah. Ianya juga bertepatan dengan fungsi perpustakaan iaitu sebagai tempat pelajar membuat rujukan. Selain sebagai tempat mendapatkan bahan rujukan, ramai dalam kalangan responden kurang mengetahui bahawa perpustakaan KKKMS juga menyediakan pelbagai lagi bahan bacaan seperti novel, majalah, akhbar, jurnal, buku pengetahuan am dan lain-lain. Ini menyebabkan pelajar jarang mengunjungi perpustakaan selain dari tujuan di atas.

Melalui penggunaan *Library QR Book at KKKMS* yang berkONSEPAN mudah alih dan lebih fleksibel, ia boleh dijadikan penambah baik dan nilai tambah kepada proses pembacaan buku secara konvensional sedia ada kini. Library QR Book at KKKMS adalah mesra pengguna, mudah dibangunkan, mudah digunakan serta boleh diaplikasikan untuk pelbagai kegunaan di perpustakaan.

Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan *Library QR Book at KKKMS* ini mampu meningkatkan pengetahuan pengguna dalam pelbagai bidang termasuk akademik. Antara faktor yang mendorong kepada peningkatan tahap pengetahuan responden adalah kerana penggunaan *Library QR Book at KKKMS* yang bersifat interaktif. Menurut Kopf et al. (2005), penggunaan kod QR dapat menggalakkan dan meningkatkan motivasi pelajar terhadap sesuatu bidang.

Dari aspek *Library QR Book at KKKMS* memudahkan dalam membuat rujukan tentang pembelajaran dan pengajaran, pembelajaran menggunakan *Library QR Book at KKKMS* memperlihatkan bahawa penggunaannya memudahkan pembelajaran sesuatu bidang dan sesuai bagi mendapatkan pengetahuan tentang modul-modul akademik. Corak pembelajaran secara mudah alih ini dapat membantu pelajar dalam mengekalkan fokus pembelajaran untuk jangka masa yang lebih panjang (Attewell, 2005).

Dari segi kemudahan penggunaan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sistem *Library QR Book at KKKMS* lebih mudah digunakan dan ini telah disokong oleh Wood (2003) yang menyatakan bahawa pembelajaran secara mudah alih (kod QR) lebih mudah disebabkan penggunaan peranti yang lebih ringan berbanding buku-buku pembelajaran dalam mencari sesuatu maklumat berbanding perlu membawa maklumat secara fizikal.

Dari aspek kebolehlaksanaan terhadap minat juga didapati bahawa pelajar sangat meminati *Library QR Book at KKKMS*. Hasil kajian mendapati ianya sesuai dengan dapatan Latif et al. (2012) iaitu penggunaan kod QR ini dapat memberikan kesan yang positif terhadap minat pelajar dalam melakukan sesuatu perkara namun ianya bergantung kepada manfaat dan kepuasan terhadap alat itu sendiri. Melihat kepada kajian ini, responden telah menyatakan bahawa mereka bermingat untuk menggunakan *Library QR Book at KKKMS* seperti ini sebagai satu cara pembelajaran di masa hadapan. Kita juga dapat melihat bahawa penggunaan kod QR dapat menggalakkan lagi aktiviti dan meningkatkan motivasi kepada pelajar terhadap sesuatu bidang (Kopf et al., 2005) terutamanya terdapat minat yang semakin berkembang dalam penggunaan kod QR ini dalam bidang pendidikan (Latif et al., 2011).

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa teknologi yang memudahkan dapat mempengaruhi minat pelajar untuk membuat sesuatu. Dapatkan kajian ini mungkin disebabkan oleh penglibatan Generasi Y sebagai sampel kajian. Ini kerana Generasi Y lebih terdedah ke arah penggunaan teknologi terkini. Ini juga menunjukkan kesan tidak langsung dari polisi kerajaan Malaysia yang menggalakkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran.

Lambakan teknologi dalam pasaran pada masa kini juga mempengaruhi kemudahan dan minat terhadap pembelajaran berasaskan teknologi disebabkan oleh mudahnya bagi mendapatkan alat-alat yang menyokong pelaksanaan teknologi itu sendiri. Ditambah pula dengan harganya yang mampu dimiliki oleh kebanyakan penduduk di Malaysia. Faktor ekonomi juga mempengaruhi penggunaan terhadap sesuatu teknologi (Krugman, 2000). Pengkaji mendapati bahawa penggunaan kod QR yang meluas pada masa kini merupakan salah satu punca pembelajaran menggunakan platform kod QR mudah diterima serta berkesan. Pendekatan yang mudah serta berkesan ini turut disokong penggunaannya oleh banyak pengkaji termasuklah Rouillard (2008) dan Narang (2011).

## RUJUKAN

- Ashford, R. (2010). QR codes and academic libraries: reaching mobile users. *College and Research Library News*, 71(10), 526-531
- Henry, C. L., Vardeman, K. K. & Syma, C. K. (2012). Reaching out: connecting students to their personal librarian. *Reference Services Review*, 40(3), 396-407.,
- Kopf, S., Scheele, N., Winschel, L., & Effelsberg, W. (2005). Improving activity and motivation of students with innovative teaching and learning technologies. *Methods and Technologies for Learning*, 551-556
- LAW, C. Y., SO, W. W. S., & Su Yonghua. (2010). QR codes in education
- Latif, L. A., Fadzil, M., Munira, T. A., & Ng, M. S. (2011). Can The Use Of QR Codes Enhance M-Learning In A Blended Learning Environment?. *Journal Lifelong Learning Society*, 8(2), 1-20..
- Narang, S., Jain, V., & Roy, S. (2012). Effect of QR codes on consumer attitudes. *International Journal of Mobile Marketing*, 7(2), 52-64
- Rose, Janelle, & Fogarty, G. (2006). Determinants of perceived usefulness and perceived ease of use in The Technology Acceptance Model: Senior consumers adoption of self-serving banking technologies. *Academy of World Business, Marketing & Management Development Conference Proceedings*, 2(10), pp. 122-129
- Rouillard, J. (2008, July). Contextual QR codes. In The Third International Multi-Conference on Computing in the Global Information Technology, 2008. ICCGI'08 (pp. 50-55). Athens, Greece: IEEE
- Seeman, Elaine, & Gibson, Shanan. (2009). Predicting acceptance of electronic medical records: Is the Technology Acceptance Model enough? *S.A.M. Advanced Management Journal*, 74(4), pp. 21-26.
- Sharples, M., Taylor, J., & Vavoula, G. (2005). Towards a theory of mobile learning. *Proceedings of mLearn 2005*, 1(1), 1-9.
- Syed Ardi Syed Yahya Kamal, & Zaidatun Tasir. (2010). *Pembelajaran masa depan- mobile learning (m-learning) di Malaysia* In *Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah* (pp. 25-27).
- Whitchurch, Michael J. (2011). QR codes and library engagement. *Bulletin of The American Society for Information Science and Technology*, 38(1), 14-17